

08/06/2000

Pemimpin Umno, dewan perniagaan bidas AWSJ

KUALA LUMPUR, Rabu - Pemimpin Umno dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) hari ini membidas Asian Wall Street Journal (AWSJ) kerana terus menyiarkan rencana memburukkan pemimpin negara.

Serentak itu, mereka meminta rakyat negara ini menolak laporan media asing, jika mereka terus menyiarkan berita memburukkan pemimpin, khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata AWSJ perlu menghentikan kerja kotor itu dengan menyerang Perdana Menteri secara berterusan walaupun beliau berjaya mengatasi krisis ekonomi negara.

"Media asing perlu hentikan agenda menentukan pemimpin negara kerana rakyat Malaysia sendiri memilih Barisan Nasional (BN) untuk terus memerintah negara.

"Malah, ahli Umno sendiri mahu Dr Mahathir terus memimpin parti seperti dibuktikan pada Perhimpunan Agung Umno," katanya ketika mengulas rencana yang disiarkan dalam AWSJ bertarikh 2-4 Jun.

Dalam rencana itu, penulisnya, Barry Wain mendakwa Dr Mahathir menjawat jawatan Perdana Menteri terlalu lama dan mencari kekayaan untuk dirinya dan Umno menggunakan kepentingan negara.

Penulis juga meminta Perdana Menteri melepas jawatan ketika berada di puncak sekarang, sebelum menerima nasib seperti Presiden Suharto.

Penolong Setiausaha Wanita Umno, Senator Faridah Abu Hasan, pula berkata media asing tidak mempunyai hak untuk mengajar rakyat negara ini memilih pemimpin.

"Rakyat negara ini mahu Perdana Menteri terus memerintah negara kerana pelbagai usaha harus dilakukan untuk mengangkat martabat agama, bangsa dan tanah air," katanya.

Beliau berkata, media asing yang kononnya memperjuangkan demokrasi tulen perlu menghormati keputusan rakyat memilih BN untuk memerintah negara dalam pilihan raya umum lalu.

"Jangan hanya pandai bercakap mengenai demokrasi tetapi tidak tahu menghormati keputusan rakyat yang dibuat melalui sistem itu," katanya sambil mengajak rakyat jangan hiraukan laporan media asing.

Naib Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Datuk Syed Amin Al-Jeffri, pula meminta rakyat negara ini terus menyokong kepemimpinan Perdana Menteri yang berjaya memimpin negara dengan cemerlang.

"Orang asing tidak tahu apa. Mereka hanya pandai membuat andaian sedangkan Dr Mahathir membuktikan bahawa beliau adalah pentadbir yang baik apabila berjaya memakmurkan negara.

"Malah, rakyat berbilang kaum terus sokongan padu kepada kerajaan walaupun ada pihak cuba mensabotaj negara," katanya.

(END)